

BAB TIGA

LATAR BELAKANG DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT MELAYU DI MUBAAN THI SAAM

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan latar belakang masyarakat Melayu di *Mubaan thi saam*. Analisis borang soal selidik dibuat bagi menjelaskan keadaan penduduk di sini. Latar belakang ini meliputi semua aspek tentang demografi dan sosioekonomi masyarakat.

Aspek demografi yang dikaji meliputi latar belakang keluarga seperti tahap umur, tempat asal, tahap pendidikan, bilangan anak dan bilangan isirumah.

Penelitian terhadap sosioekonomi pula bagi menjelaskan corak kehidupan sosial dan kegiatan ekonomi. Corak kehidupan sosial akan memberi fokus kepada susunlapis masyarakat, nilai dan adat yang wujud dalam komuniti. Penelitian ini juga termasuk perihal mengenai tenaga kerja, struktur pekerjaan dan status pemilikan tanah yang ada

hubungkaitnya dengan kegiatan ekonomi penduduk dalam *mubaan* ini. Fokus berkaitan dengan kegiatan ekonomi pula akan dibuat kepada pekerjaan penduduk yang dapat dilihat dalam dua kegiatan ekonomi, iaitu ekonomi saradiri dan sumber pendapatan. Penjelasan terhadap pendapatan dan perbelanjaan penduduk dalam kehidupan sehari-hari dibuat bagi melihat taraf kehidupan masyarakat di *mubaan* ini.

3.2 Tahap umur ketua rumah

Tahap umur ketua rumah di *Mubaan thi saam* adalah pelbagai. Seramai tiga orang atau 2.5% dari ketua rumah yang mempunyai tahap umur dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun. Sejumlah 11 orang atau 9.2% pula berada dalam tahap umur antara 26 hingga 30 tahun. Sejumlah 12 orang atau 10% ketua rumah berumur antara 31 hingga 35 tahun. Ketua rumah yang berumur antara 36 hingga 40 tahun berjumlah 15 orang iaitu kira-kira 12.5%. Ketua rumah yang berumur antara 41 hingga 45 tahun adalah seramai 20 orang iaitu kira-kira 16.6%. Ketua rumah yang berumur antara 46 hingga 50 tahun pula seramai 23 orang bersamaan 19.2%. Tahap umur ketua rumah antara 51 hingga 55 tahun adalah seramai 20 orang atau 16.6%. Ketua rumah yang berumur antara 56 hingga 60 tahun berjumlah lapan orang iaitu 6.6% dan mereka yang berumur 61 tahun dan ke atas pula adalah seramai sembilan orang iaitu bersamaan 4.2%.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa

tidak terdapat ketua keluarga yang berumur kurang dari 20 tahun. Antara sebabnya adalah golongan belia atau *wairun* yang dalam lingkungan umur 20 tahun dan ke bawah, biasanya belum berkahwin kerana masih tidak mampu untuk menyara keluarga. Kumpulan umur ketua rumah yang paling ramai adalah ketua keluarga yang berumur lebih daripada 40 tahun, iaitu seramai 80 orang atau kira-kira 66.7% daripada semua ketua rumah di *mubaan* ini. Secara ringkasnya, keadaan tahap umur ketua rumah ini dapat dilihat melalui Jadual 3.1.

JADUAL 3.1:

KUMPULAN UMUR KETUA RUMAH DI *MUBAAN THI SAAM* PADA TAHUN 1996

Kumpulan Umur (Tahun)	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
20 - 25	3	2.5
26 - 30	11	9.2
31 - 35	12	10.0
36 - 40	15	12.5
41 - 45	20	16.6
46 - 50	23	19.2
51 - 55	20	16.6
56 - 60	8	6.6
61 dan ke atas	9	7.5
JUMLAH	120	100%

SUMBER: Borang soal selidik

3.3 Tempat asal ketua rumah

Sebahagian besar ketua keluarga yang ada di *Mubaan thi saam* ini adalah orang Melayu peranakan Thailand kecuali seorang yang berasal dari Malaysia iaitu dari Pasir Mas, Kelantan. Walau bagaimanapun beliau telah menjadi anggota masyarakat kampung ini lebih dari 40 tahun kerana berkahwin dengan isterinya yang merupakan penduduk asal *Mubaan thi saam*. Terkecuali seorang yang dari Malaysia ini, semua penduduk *mubaan* ini adalah berasal dari *Changwat Narathiwat* tetapi tidak semuanya anak tempatan *Mubaan thi saam*.

Sebahagian kecil iaitu 41 orang atau 34.2% dari ketua rumah bukan penduduk asal *mubaan* ini. Seorang atau 2.4% berasal dari Kelantan, Malaysia; Lima orang atau 12.2% berasal dari Amphoe Yingo, sembilan orang atau 21.9% berasal dari Amphoe Muang, empat orang atau kira-kira 9.7% berasal dari Amphoe Takbai, 12 orang atau kira-kira 29.3% berasal dari Amphoe Choerong. Seramai 10 orang atau 24.4% dari ketua rumah ini berasal di *Tambon Bangpho* tetapi dari *mubaan* yang lain. Gambaran secara ringkas dapat dilihat dalam Jadual 3.2.

JADUAL 3.2:

TEMPAT ASAL KETUA RUMAH YANG BUKAN PENDUDUK ASAL MUBAAN THI SAAM DALAM TAHUN 1996

Tempat Asal	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Malaysia	1	2.4
Amphoe Yingo	5	12.2
Amphoe Muang	9	21.9
Amphoe Takbai	4	9.7
Amphoe Choerong	12	29.3
Tambon Bangpho: Mubaan lain	10	24.4
JUMLAH	41	100%

SUMBER: Borang Soal Selidik

Penduduk yang berasal dari luar dan menetap di *Mubaan thi saam* ini berpindah atas beberapa sebab. Antara sebab-sebab tersebut, yang paling besar peratusannya adalah sebab perkahwinan. Perkahwinan dengan anak tempatan *Mubaan thi saam* memberi peluang kepada mereka untuk menetap di mubaan ini. Dari analisis yang diperolehi, corak perpindahan mengikut isteri agak kurang, berbanding perpindahan mengikut suami. Dengan sebab inilah hanya 34.2% sahaja ketua rumah bukan penduduk asal *Mubaan thi saam*.

Adat berpindah ke tempat isteri ini pada mulanya sebagai adat, di mana si suami dikehendaki membantu keluarga si isteri sebagai balasan memiliki anak perempuan keluarga

tersebut. Mengikut adat ini bantuan tersebut tidak menghadkan tempoh masa tertentu, tetapi biasanya sehingga keluarga isteri membenarkan pasangan tersebut berpindah ke rumah sendiri atau mengikut suaminya. Walaupun begitu, jika pihak suami tidak mempunyai harta atau tanah pusaka di tempatnya, apa yang berlaku adalah si suami lebih senang tinggal di kawasan kediaman isterinya. Si suami akan mengikut isteri dan akan menjadi anggota masyarakat *mubaan* ini.

Selain dari perkahwinan, ada juga faktor-faktor lain yang tidak kurang hebatnya dalam memberi kesan berlakunya perpindahan orang dari kawasan luar ke *mubaan* ini. Antaranya adalah tidak mahu bercampur dengan orang Siam. Perpindahan kerana faktor tidak mahu bercampur dengan orang Siam adalah kira-kira 20.5%, iaitu melibatkan seramai lapan keluarga. Perpindahan sebegini berlaku bagi penduduk Tambon Bangpho, tetapi dari *mubaan* lain seperti dari *Mubaan thi song*. Dahulunya mereka sekampung dengan orang-orang Siam dan rumah-rumah mereka berdekatan dengan rumah-rumah orang Siam. Anjimg dan khinzir peliharaan orang-orang Siam selalu merayau di bawah rumah, membuang najis merata tempat dan ini telah mengganggu ketenteraman mereka. Dengan alasan ini mereka berpindah ke *Mubaan thi saam*.

Begitu juga perpindahan berlaku kerana kampung asal orang tua salah seorang, sama ada pihak suami atau isterinya.

Jika dulu mereka tinggal di kawasan lain kerana mencari pekerjaan tetapi setelah ibu atau bapa meninggal mereka telah menerima pembahagian pusaka masing-masing. Bagi yang mempunyai tanah mereka balik semula ke *Mubaan thi saam* dan mendirikan rumah di *mubaan* ini. Secara ringkas faktor perpindahan oleh ketua rumah dari kawasan luar ke *Mubaan thi saam* dapat dilihat dalam Jadual 3.3.

JADUAL 3.3:

FAKTOR-FAKTOR PERPINDAHAN KETUA RUMAH DARI KAWASAN LUAR KE MUBAAN THI SAAM DALAM TAHUN 1996.

Faktor perpindahan	Jumlah ketua rumah (Orang)	Peratus (%)
Perkahwinan	26	63.4
Tidak mahu bercampur dengan orang Siam	8	19.5
Kampung asal ibu bapa	7	17.0
JUMLAH	41	100%

SUMBER: Borang soal selidik

3.4 Tahap pendidikan ketua rumah

Penjelasan mengenai tahap pendidikan di *Mubaan thi saam* juga mustahak sebagai maklumat asas bagi menentukan kadar celik huruf ketua rumah. Dari jumlah 120 ketua rumah, 22 orang atau 18.3% tidak mendapat pendidikan formal, 79 orang atau 65.8% menerima pendidikan formal sehingga

peringkat *Prakthom suksa si* (sehingga darjah empat). Sementara sejumlah 13 orang atau 10.8% sahaja yang mendapat pendidikan lebih tinggi dari *Prakthom suksa si*. Selebihnya seramai enam orang atau 5%, walaupun mereka tidak menerima pendidikan yang formal tetapi mereka mendapat pendidikan dari institusi pondok.

Dari keadaan tahap pendidikan yang boleh dikatakan rendah ini ramai di antara mereka tidak terlibat di dalam aktiviti makan gaji sebaliknya lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti pertanian yang tidak memerlukan sijil pengajian. Mereka yang berpendidikan lebih tinggi dari *Prakthom suksa si* biasanya sehingga ke peringkat mo. saam, kebanyakannya bekerja sebagai *kru, kamnan, phuchuai* dan segelintirnya berniaga sendiri.

Tahap pendidikan sehingga *prakthom suksa si* merupakan peringkat tertinggi pada waktu itu. Sistem pendidikan yang mewajibkan kanak-kanak menerima pendidikan sekurang-kurang sekolah rendah ini dilancarkan oleh Raja Wachirawut dalam tahun 1921. Baginda mengeluarkan perintah yang mewajibkan semua kanak-kanak berumur tujuh hingga 14 tahun menghadiri sekolah sekurang-kurangnya empat tahun di sekolah rendah kerajaan yang diberikan secara percuma:

In 1921 he (King Wachirawut) issued a decree making primary education compulsory for all children. This required everyone between 7 and 14 years to attend school for at least four years of elementary education

in the free government schools.¹

Revolusi 1932 yang mengubah pemerintahan Thailand dari monarki mutlak kepada monarki berpelembagaan telah memberi kesan yang penting kepada sistem pendidikan negaranya. Pemerintahan baru ini memberi janji bahawa kerajaan akan melaksanakan sistem pemilihan di parlimen sebaik sahaja separuh dari penduduk di setiap *changwat* mendapat pendidikan *Prakthom suksa si* di sekolah rendah. Untuk mencapai tujuan ini undang-undang mewajibkan pendidikan ini telah dilancarkan dengan meluas.² Tahap pendidikan ketua rumah ini dapat dijelaskan sebagaimana di dalam Jadual 3.4.

JADUAL 3.4:

TAHAP PENDIDIKAN KETUA RUMAH DI MUBAAN THI SAAM TAHUN 1996

Tahap Pendidikan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak bersekolah	22	18.3
Tahap <i>Prakthom Suksa Si</i>	79	65.8
Lebih dari <i>Prakthom Suksa Si</i>	13	10.8
Sekolah Pondok	6	5.0
JUMLAH	120	100%

SUMBER: Borang Soal Selidik

Bertolak dari tahap pendidikan yang diterima agak rendah, kebolehan menulis, membaca dan menutur di kalangan ketua rumah di *Mubaan thi saam* juga rendah. Berkaitan dengan bahasa Thai, dari segi pertuturan, seramai 36 orang ketua rumah atau 30% dari keseluruhan responden boleh bertutur dalam bahasa Thai dengan baik. Seramai 63 orang atau 52.5% pertuturan mereka sederhana sahaja. Manakala sejumlah 21 orang atau 17.5% langsung tidak boleh bertutur dalam bahasa Thai, tetapi ada di antara mereka memahami apa yang didengar walaupun tidak tahu untuk bercakap.

Kebolehan mereka memahami bahasa Thai ini juga berpunca dari pergaulan dengan orang-orang Siam di sekitar *mubaan* dan pengaruh media alat pandang dengar seperti televisyen dan radio. Dalam rancangan di televisyen semua rancangan disiarkan menggunakan bahasa Thai sama ada berita, tayangan gambar Inggeris, China, Hindi dan sebagainya dialihbahasa ke dalam bahasa Thai.

Walaupun bilangan yang boleh bercakap agak ramai, tetapi tidak ramai daripada mereka dapat membaca dan menulis bahasa Thai. Seramai 54 orang atau 45% sahaja yang ada kecekapan bercakap, menulis dan membaca. Mereka adalah di kalangan penduduk yang menerima pendidikan formal sehingga ke peringkat *mathayom suksa* dan lebih.

Keseluruhan penduduk *Mubaan thi saam* dapat bertutur dalam bahasa Melayu kerana mereka orang Melayu.

Umumnya, ramai di kalangan mereka boleh membaca dan menulis jawi. Ini kerana pengaruh pembacaan Al-Quran dan kitab-kitab agama. Walaupun begitu, hanya lapan ketua rumah sahaja yang tahu membaca dan menulis dalam bahasa Melayu tulisan rumi.

3.5 Bilangan isirumah

Di *Mubaan thi saam*, terdapat tiga keluarga atau 2.5% yang mempunyai isirumah antara satu hingga dua orang. Isirumah antara tiga hingga empat orang pula merangkumi 31 buah keluarga atau 25.8%. Isirumah antara lima hingga enam orang pula membentuk yang paling banyak iaitu merangkumi 35 buah keluarga atau sebanyak 29.2%. Isirumah antara tujuh hingga lapan orang mencakupi 25 buah keluarga atau 20.8% dan isirumah dalam bilangan antara sembilan hingga 10 orang dimiliki oleh 14 buah keluarga atau 11.7%. Dalam pada itu, keluarga yang memiliki isirumah 11 orang dan ke atas hanya sebuah keluarga sahaja atau kira-kira 0.8% (Ketua rumah ini mempunyai tiga isteri yang tinggal bersama).

Ramai dari anak-anak penduduk *Mubaan thi saam* berada di tempat lain, sama ada dalam negeri atau luar negeri. Keadaan ini boleh jadi secara sementara atau kekal bergantung kepada beberapa faktor, seperti berkahwin, bekerja dan belajar. Kebanyakan daripada mereka yang berhijrah atas faktor perkahwinan, masih lagi berada dalam Wilayah Narathiwat tetapi bertaburan di pelbagai *amphoe*. Terdapat

juga yang tinggal di negara lain, seperti Malaysia, Singapura, Mekah, Mesir dan Jordan tetapi biasanya untuk sementara sahaja kerana mereka pergi atas sebab belajar atau bekerja. Secara purata bilangan isirumah di *mubaan thi saam* adalah dalam lingkungan 5.3 orang bagi setiap rumah. Jumlah isirumah di *Mubaan thi saam* dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 3.5.

JADUAL 3.5:

BILANGAN ISIRUMAH DI MUBAAN THI SAAM PADA TAHUN 1996

Isirumah (Orang)	Bilangan (Keluarga)	Peratus (%)
1 - 2	3	2.5
3 - 4	31	25.8
5 - 6	35	29.2
7 - 8	25	20.8
9 - 10	14	11.6
11 dan ke atas	1	0.8
JUMLAH	120	100%
PURATA ISI RUMAH	5.3 ORANG	

SUMBER: Borang Soal Selidik

Satu hal yang perlu diterangkan adalah walaupun ahli keluarga ini tinggal di bawah satu bumbung tetapi terdapat kekeliruan dalam keturunan anak-anak tersebut. Ini kerana masyarakat Melayu di sini telah menggunakan sistem

'baka' hasil dari pengaruh pentadbiran Thai yang dipanggil sistem "namsekul". Seseorang anak tidak di 'bin' atau 'binti' kepada bapanya tetapi dimasukkan ke dalam baka keluarganya. Contohnya dapat diambil dari salah seorang penduduk *Mmubaan thi saam* iaitu Sapeing baka Salleh. Anaknya pula Jarodah baka Salleh bukan binti Sapeing seperti mana kebiasaan orang Melayu. Anak perempuan keluarga ini akan hilang bakanya apabila dia berkahwin kerana baka tersebut akan ditukar kepada baka suaminya. Contoh orang yang sama dapat diambil. Apabila Jarodah ini berkahwin beliau tidak lagi memakai baka Salleh sebaliknya ditukar kepada baka suaminya mengikut apa yang tertulis dalam dokumen-dokumen tertentu seperti *bat pracachon* (kad pengenalan) dan *bat sukhapap* (kad kesihatan penduduk).³

Sebahagian besar iaitu 100 keluarga atau 83.3% isirumah di *Mubaan thi saam* adalah dalam bentuk keluarga *extended*⁴ dan 20 keluarga atau 16.7% adalah keluarga *nuclear*.⁵ Keluarga *extended* ini ditunjukkan oleh isirumah yang mempunyai tiga atau empat generasi iaitu ibu bapa, anak dan cucu di bawah satu bumbung dan ada juga yang sampai kepada peringkat cicit. Keluarga *nuclear* pula memperlihatkan sebuah rumah yang mempunyai ibu bapa dan anak-anak sahaja.

3.6 Corak kehidupan sosial

Sesebuah *mubaan* tidak harus dipandang dari segi

fizikal sahaja. Kehidupan sosial masyarakat Melayu adalah ditentukan oleh apa yang selalu disebut sebagai adat, dan ini mengandungi semua norma, nilai, kepercayaan, dan moral masyarakat. Ini akan menentukan perlakuan dan penghormatan kepada seseorang individu mengikut peranan seseorang itu dalam masyarakat. Di *Mubaan thi saam* terdapat susunlapis sosial yang menentukan status atau kedudukan taraf seseorang. Ada banyak faktor yang menentukan status ini dan di antara yang terpenting adalah faktor seperti umur, sifat-sifat peribadi, perlantikan formal, pekerjaan dan kekayaan seseorang individu.

Biasanya bukan satu faktor sahaja yang menentukan faktor ini tetapi beberapa faktor. Faktor umur memang menentukan status seseorang itu dan akan dihormati sebagai orang tua. Pengaruh orang tua diakui dan diterima terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan soal-soal kekeluargaan dan adat. Mereka dihormati sebagai lambang pengalaman, adat dan juga kadang-kadang agama dalam peringkat *mubaan*. Akan tetapi umur ini perlu disusuli oleh sifat-sifat peribadi dan sebagainya jika tidak orang tua juga akan dibenci oleh masyarakat. Sama ada satu atau kombinasi beberapa faktor ini dapat dilihat dalam personaliti seperti yang diterangkan dibawah. Sebenarnya terdapat banyak lagi anggota masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan dihormati di *mubaan* ini. Alasan memilih hanya empat contoh individu untuk

dibincangkan di sini kerana mereka menerima penghormatan lebih tinggi dari seluruh penduduk *mubaan* malahan *Tambon Bangpho* sendiri. Semua mereka ini mempunyai ciri-ciri yang baik dari segi ekonomi, pengetahuan, sahsiah peribadi seperti baik hati dan dermawan.

Mubaan thi saam diketuai oleh *Nai Mat Nuh baka Meli*, 50, yang juga sebagai *kamnan* bagi *Tambon Bangpho*. Kedudukan beliau sebagai *kamnan* disahkan dengan penerimaan surat tauliah dari gabenor *changwat* yang penduduk tempatan menyebutnya sebagai "raja negeri". Mengikut rekod peribadi *Kamnan Mat Nuh* ini, beliau telah dipilih sebagai *kamnan* selepas sahaja dua bulan dipilih sebagai *phuyaibaan* bagi menggantikan kematian *phuyaibaan* sebelumnya, yang juga bapa mertua beliau.⁶ Oleh kerana bapa mertuanya ini tidak mempunyai anak lelaki, maka beliau dengan persetujuan ramai, dilantik sebagai *phuyaibaan* yang baru. Pemilihan mengikut persetujuan ramai ini sama dengan apa yang dilakukan oleh masyarakat Thai sejak awal abad ke-19. Seperti yang diterangkan oleh Vella, bahawa ketua kampung akan dilantik atas persetujuan ramai. Pemimpin yang dipilih ini memainkan peranan sebagai ketua kepada penduduk *mubaan* dan mewujudkan unsur kerjasama di kalangan anak buahnya. Beliau juga akan bertindak menyelesaikan pertelingkahan-pertelingkahan kecil yang terjadi dalam *mubaan* tersebut:

At that time villagers, male and female, chose one of their own numbers as village chief. This chief, who was not paid for his labours and was not part of the official bureaucracy, was usually a respected, relatively wealthy elder of the village. Through him the village handled many of its community efforts such as the pooling of labour for constructing and repairing local water-ways, roads and temples.⁷ The chief also settled minor disputes in the village.

Pemilihan beliau bertepatan dengan beberapa syarat diperlukan untuk membolehkan seseorang itu menjadi pemimpin. Beliau seorang yang berada, berpendidikan, mempunyai daya kepimpinan dan sikapnya yang prihatin terhadap penduduk tambon menjadikan beliau sangat dihormati dan disegani.

Nai Sapeing baka Saleh yang mana penduduk setempat memanggilnya Poksu Ing, 46, juga mempunyai status yang dihormati oleh penduduk mubaan kerana kekayaan, dermawan serta ditambah lagi dengan hubungan darah (merangkap sepupu) dengan kamnan, menjadikan beliau sangat berpengaruh di dalam Mubaan thi saam. Beliau mendapat pendidikan sehingga peringkat mo. saam yang membolehkan beliau membaca dan menulis dalam bahasa Thai. Beliau seorang peniaga, bermula dari serba kekurangan sebagai pembeli getah dan sekerap. Setelah itu, disamping beliau meneruskan membeli getah, beliau telah menjalankan pelbagai perniagaan seperti membeli buah dokong, membuka kedai runcit, dan membeli tanah untuk diniagakan. Pada hari ini, beliau telah memiliki sebuah rumah konkrit besar dalam mubaan ini, sebuah setor getah, dua

buah lori kecil, dua buah motosikal dan tanah sawah seluas 20 rai. Beliau dipandang tinggi sebagai tempat penduduk *mubaan* meminjam wang tanpa mengenakan sebarang faedah dari wang yang dipinjamkan dan keperluan harian bagi penduduk yang kurang berkemampuan.⁸

Nai Mat Arun baka mamat, 77, juga merupakan orang tua *mubaan*. Beliau dihormati bukan sahaja kerana umurnya tetapi juga kerana pengetahuannya dalam bidang perbomohan. Penduduk setempat memanggilnya Pakchu Mat. Walaupun beliau telah tua dan miskin tetapi sikap peribadinya yang suka menolong orang apabila mereka mendapat kesusahan dan memerlukan pertolongan. Beliau terkenal dengan kebolehannya mengubat dengan jampi mentera dan dikenali bukan sahaja di dalam *tambon* ini tetapi juga sampai ke kawasan-kawasan lain termasuk Malaysia (Kelantan).⁹

Nai Doloh baka Semek, 39, imam bagi masjid Kube Bongo. Beliau merupakan menantu kepada bekas imam tua. Pekerjaan beliau adalah menoreh getah dan kadang-kadang pergi bekerja mengambil upah secara buruh kasar di Singapura. Sungguhpun beliau menjadi imam tetapi tidak menerima gaji dari pihak berkuasa. Kerja ini dilakukan sebagai kerja sukarela sahaja bagi menggantikan bapa mertuanya yang sudah tua. Penghormatan ini diberikan sebagai melambangkan status seseorang dalam menilai ilmu keagamaan yang dimiliki oleh beliau.¹⁰

Kehidupan sesebuah komuniti luar bandar, khasnya orang Melayu, pada umumnya berasaskan semangat persaudaraan di kalangan anggotanya. Kerjasama berlaku bukan sahaja dalam bidang sosial tetapi juga dalam bidang ekonomi khususnya dalam menyediakan tenaga kerja yang diperlukan dalam usaha pertanian. Melalui proses kerjasama seperti ini, maka terdapat satu jalinan obligasi timbal-balik yang mengukuhkan tali perhubungan di antara anggota-anggota masyarakat di dalam *mubaan* ini.

Kerjasama atau tolong menolong yang dilakukan dalam mengadakan kenduri atau dalam bidang pertanian biasanya menguntungkan seseorang atau sebahagian kecil anggota masyarakat sahaja, namun ada juga kerjasama yang mendatangkan kebaikan kepada sebahagian besar atau seluruh anggota masyarakat. Misalnya dalam kerjasama membersihkan kubur, parit, membuat jalan, membetulkan surau atau masjid. Dorongan untuk bekerjasama pula bukanlah dengan harapan untuk menerima kembali pada masa akan datang sebagai balasan, tetapi merupakan satu keperluan untuk menyerapkan diri dalam kehidupan bermasyarakat, supaya tidak dikatakan sompong. Ada kemungkinan orang-orang yang tidak mahu menyertai kerjasama seperti ini akan disisih dari sisi masyarakat.

3.7 Tenaga kerja dan struktur pekerjaan

Abba Sirivongs Na Ayutahaya dalam kajiannya di

Chiengmai mendefinisikan tenaga kerja luar bandar sebagai anggota masyarakat yang aktif dalam ekonomi, berumur 11 tahun dan ke atas. Ini pengecualian terhadap mereka yang terlalu tua, tidak berkeupayaan, dan pelajar yang masih dibangku sekolah:

The village labour force is strictly defined as the economic active population who are 11 years of age or older, except for those who too old to work, the disabled and school attendants who are over 11 years of age.

Berasaskan definisi ini, analisis tahap umur penduduk *Mubaan thi saam* telah dibuat untuk melihat penduduk yang boleh memberi tenaga dalam pekerjaan atau sebaliknya. Penduduk yang tidak boleh membekalkan tenaga kerja atau tidak aktif ekonomi adalah berjumlah 236 orang, bersamaan dengan 34.5%. Mereka ini adalah penduduk yang berumur 11 tahun ke atas dan masih bersekolah. Kira-kira 90% daripada penduduk dalam lingkungan umur ini masih bersekolah, sama ada dalam peringkat *prakthom suksa* atau *mathayom suksa*. Hanya 10% sahaja dari penduduk *mubaan* dalam peringkat umur begini yang tidak bersekolah.

Penduduk yang berumur lebih dari 70 tahun seramai 48 orang atau 7.0% dari keseluruhan penduduk *Mubaan thi saam*. Sebahagian kecil iaitu kira-kira tujuh orang dari mereka ini tidak lagi dianggap sebagai tenaga kerja ekonomi kerana sudah

tidak mempunyai keupayaan untuk bekerja. Mereka ini tidak lagi bertindak sebagai ketua rumah sebaliknya sebagai orang tua yang dipelihara oleh anak-anak. Pencarian sumber pendapatan bergantung kepada orang lain biasanya anak lelaki atau menantu yang tinggal bersama. Dengan kata lain, penduduk dalam kedua-dua kategori tersebut tidak boleh memberi sumbangan tenaga kerja kerana mereka masih di bawah jagaan ibu bapa dan golongan tua pula sudah tidak mampu untuk bekerja.

Penduduk yang aktif ekonomi pula berumur lebih dari 11 tahun sehingga mereka yang tidak lagi ada keupayaan untuk bekerja lagi (lazimnya, umur mereka 70 tahun dan ke atas). Sebahagian kecil dari kalangan *wairun* (golongan muda) di *Mubaan thi saam* meninggalkan bangku sekolah setelah sampai di peringkat *mo. saam*. Selepas itu, mereka mula memasuki alam pekerjaan. Dengan demikian sejumlah 385 orang atau 56.3% dari penduduk *mubaan* ini yang boleh menyediakan tenaga kerja. Dari 56.3% tenaga kerja tersebut, sejumlah 25% daripadanya adalah suri rumah.

Terdapat juga segelintir anggota masyarakat yang tidak dapat dipastikan sama ada mereka tergolong dalam membekalkan tenaga kerja atau sebaliknya. Ini berlaku kerana mereka tidak berada di dalam *mubaan* berkenaan untuk satu jangka masa yang agak lama. Sebahagiannya sedang meyambung pelajaran, migrasi mencari pekerjaan dan setengahnya pula

menetap di tempat lain. Mereka ini diletakkan dalam kategori lain-lain. Lihat Jadual 3.6.

JADUAL 3.6:

BILANGAN PENDUDUK MUBAAN THI SAAM MENGIKUT KATEGORI BEKALAN TENAGA KERJA DALAM TAHUN 1996.

Kategori penduduk	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Penduduk yang tidak boleh membekalkan tenaga kerja (tidak aktif ekonomi)	236	34.5
Penduduk yang boleh membekalkan tenaga kerja (aktif ekonomi)	385	56.3
Lain-lain kategori	63	9.2
JUMLAH	684	100%

SUMBER: Borang soal selidik

Dari segi pekerjaan pula, penduduk Mubaan thi saam melakukan pelbagai pekerjaan dalam pelbagai sektor, terutama sektor pertanian. Dari 120 orang responden, sebahagian besar iaitu 90 orang ketua rumah atau kira-kira 75.0% dari penduduk di sini menoreh getah. Seramai 77 orang ketua rumah atau 64.2% mengerjakan penanaman padi. Ini dikuti oleh 12 orang atau 10% yang makan gaji sama ada dengan kerajaan atau bekerja kilang. Penduduk yang menjalankan perniagaan pula berjumlah 10 orang atau bersamaan dengan 6.7%. Selain itu, 24 orang melakukn kegiatan mengambil upah secara tidak tetap

seperti membuat rumah, belah kayu untuk perkakas rumah dan sebagainya. Seramai 13 orang atau 10.8% penduduk menanam sayur-sayuran seperti keledek, ubi kayu, dan pucuk ubi untuk dijual. Sebahagiannya pula iaitu seramai 57 orang atau 47.5% juga memelihara haiwan ternakan seperti lembu, kerbau, ayam dan itik yang dijual apabila ada permintaan sahaja.

Walaupun setiap keluarga masing-masing ada pekerjaan sumber pendapatan tersendiri, tetapi struktur pekerjaan ini agak rumit untuk dinyatakan secara tetap. Ini berlaku apabila ramai di antara penduduk melakukan lebih dari satu pekerjaan. Selain menjalankan kegiatan sumber pendapatan, pada masa yang sama mereka juga melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain. Sebagai contoh, Nai Roni baka Awe (41), beliau menerima gaji dari kerajaan selaku seorang Po.Ro.So., pada masa yang sama, beliau juga menoreh getah, menanam padi dan memelihara lima ekor lembu. Dari pelbagai pekerjaan tersebut, hanya penanaman padi satu-satunya kegiatan yang tidak mendatangkan sumber pendapatan dalam nilai kewangan. Struktur semua pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk di mubaan ini dapat dilihat dalam Jadual 3.7.

JADUAL 3.7:

STRUKTUR PEKERJAAN PENDUDUK MUBAAN THI SAAM PADA TAHUN 1996.
(PERATUS KESELURUHAN TIDAK DAPAT DINYATAKAN KERANA RESPONDEN
MENJAWAB LEBIH DARI SATU)

Pekerjaan	Jumlah (Keluarga)	Peratus (%)
Menoreh getah	90	75.0
Menanam padi	77	64.2
Makan gaji	12	10.0
Berniaga	10	6.7
Mengambil upah yang tidak tetap	24	20.0
Menanam sayur-sayuran	13	10.8
Memelihara haiwan ternakan	57	47.5

SUMBER: Borang soal selidik

3.8 Status pemilikan dan pengeraian tanah

Pekerjaan dalam sektor pertanian sebagai tonggak kehidupan bagi sebahagian besar penduduk mubaan ini menjadikan kegiatan ekonomi mereka mempunyai kaitan rapat dengan hak pemilikan tanah.¹² Struktur utama pemilikan tanah di mubaan ini adalah melalui pewarisan harta pusaka. Bentuk pewarisan ini adalah ketetapan dari hukum dalam agama Islam yang dikenali sebagai 'faraidh'.¹³ Sistem 'faraidh' dalam pewarisan harta pusaka seperti yang diamalkan di *Mubaan thi saam* ini bukanlah amalan yang unik bagi penduduk di sini sahaja, tetapi diamalkan oleh seluruh umat Islam.¹⁴ Sistem 'faraidh' ini pada asasnya adalah ketetapan dari Al-Quran

yang menjelaskan pembahagian pusaka kepada pewaris (anak-anak) mengikut hak masing-masing.

Pembahagian tanah ini akan menimbulkan sedikit masalah kepada generasi seterusnya. Seperti yang ada pada hari ini, saiz tanah yang dimiliki oleh penduduk di *Baan Kok Sumut* adalah kecil. Selepas beberapa generasi, tanah yang kecil ini akan dibahagikan lagi sehingga keluasannya menjadi tidak ekonomik lagi untuk dikerjakan. Kesan dari proses pembahagian tanah ini akan mewujudkan anggota masyarakat yang tidak mempunyai pemilikan tanah. Mereka terpaksa menjual tenaga dalam kegiatan pertanian atau bermigrasi ke kawasan bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

Kesan dari struktur pembahagian pusaka tersebut, didapati ada yang memiliki tanah dan ada yang tidak memilikinya. Setelah analisis dari borang soal selidik yang dijalankan ternyata sebahagian besar iaitu seramai 107 orang atau 89.2% dari penduduk mempunyai tanah sendiri berbanding dengan 13 orang atau 10.8% yang tidak mempunyai tanah. Pemilikan tanah setiap keluarga keluasannya tidak menentu, tetapi secara purata adalah kecil dalam lingkungan enam *rai* sahaja.

Walaupun pemilikan tanah ini jelas tetapi dari segi pengeraaan ke atas tanah tersebut adalah lebih kompleks. Ada tuan tanah yang memiliki tanah tetapi tidak dikerjakan, ada pula tuan tanah yang tanah dimilikinya dikerjakan oleh orang

lain, ada juga yang mengerjakan tanah sendiri di samping itu juga mengerjakan tanah milik orang lain dan ada yang sepenuhnya mengerjakan tanah milik orang lain. Dengan demikian terdapat beberapa kategori dalam status penggerjaan tanah di *mubaan thi saam*. Kategori-kategori tersebut adalah 'pemilik-pengerja', 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' dan 'penyewa'.¹⁵

Anggota masyarakat yang dikelaskan sebagai 'pemilik-pengerja' adalah mereka yang mengerjakan tanah yang mereka miliki. Mereka mengerjakan tanah ini setakat mana yang mampu dikerjakan dan mengikut keperluan keluarga dan jika tanah yang dimiliki ada lebihan, mereka akan menyerahkan bakinya untuk dikerjakan oleh orang lain. Di *Mubaan thi saam* anggota masyarakat yang termasuk di dalam kategori ini adalah seramai 53 orang atau kira-kira 44.2%

Mengenai 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' pula adalah anggota masyarakat yang mengerjakan tanah yang dimiliki dan sebagai tambahan mengerjakan juga tanah orang lain. Anggota masyarakat yang termasuk dalam kategori ini biasanya memiliki tanah yang kecil dan tidak memadai untuk sara hidup keluarga. Dengan demikian mereka terpaksa mengerjakan juga tanah orang lain yang biasanya dalam bentuk penyewaan. Bentuk pembayaran sewa ini bergantung kepada persetujuan antara penyewa dan tuan tanah. Jumlah anggota masyarakat dalam kategori ini di *Mubaan thi saam* adalah 37

orang ketua rumah atau 30.8% dari keseluruhan 120 orang ketua keluarga di mubaan ini.

Anggota masyarakat yang dikelaskan sebagai 'penyewa' adalah mereka yang tidak mempunyai tanah dan terpaksa menyewa tanah orang lain. Di mubaan ini terdapat sejumlah 30 orang ketua rumah atau 25.0% yang hanya mengerjakan tanah milik orang lain. Status penggerjaan tanah ini hanya dilihat dalam dua pekerjaan penduduk yang utama, iaitu kebun getah dan sawah padi. Ini kerana hanya dua penggerjaan ke atas tanah ini sahaja yang boleh kerjakan oleh orang lain di atas pemilikan orang lain. Status penggerjaan tanah ini dapat dilihat dalam Jadual 3.8.

JADUAL 3.8:

STATUS PENGERJAAN TANAH DI MUBAAN THI SAAM DALAM TAHUN 1996.

Pengerjaan tanah	Jumlah (Keluarga)	Peratus (%)
Mengerjakan tanah milik sendiri	53	44.2
Mengerjakan tanah sendiri, pada masa yang sama juga menyewa tanah orang lain	37	30.8
Tidak memiliki tanah dan untuk mengerjakannya, terpaksa menyewa tanah orang lain	30	25.0
JUMLAH	120	100%

SUMBER: Borang soal selidik

3.9 Kegiatan ekonomi penduduk

3.9.1 Aktiviti penanaman padi

Setelah melihat struktur pekerjaan di kalangan penduduk *mubaan* ini, penjelasan secara khusus setiap pekerjaan tersebut pula harus dibuat. Kegiatan ekonomi ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu aktiviti ekonomi saradiri dan aktiviti sumber pendapatan. Penanaman padi merupakan satu-satunya aktiviti saradiri yang dilakukan oleh sebahagian besar iaitu seramai 77 orang atau 64.2% dari penduduk *Mubaan thi saam*. Didapati tidak semua penduduk di *mubaan* ini menanam padi bukan atas alasan mereka sengaja tidak mahu menanam padi, tetapi dihalang oleh beberapa faktor. Kekurangan sumber air dan ketiadaan atau pemilikan tanah yang tidak ekonomik merupakan dua faktor terpenting menyebabkan sebahagian dari penduduk tersebut terpaksa membuat pilihan untuk meninggalkan aktiviti penanaman padi. Sebahagiannya pula disebabkan aktiviti-aktiviti lain yang mereka lakukan seperti perniagaan yang memerlukan tumpuan masa yang lebih.

Dari Jadual tersebut, seramai 33 orang atau 42.9% dapat dikategorikan sebagai 'pemilik-pengerja'. Mereka ini hanya menanam padi atas tanah sawah pemilikan sendiri dalam jumlah keluasan 180 *rai*. Anggota masyarakat penanam padi yang dapat dikategorikan sebagai 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' pula nampaknya membentuk kumpulan yang paling besar

dengan jumlah 34 orang atau kira-kira 44.1% dari keseluruhan penduduk yang menanam padi. Keseluruhan jumlah kawasan yang dikerjakan adalah 91 *rai* di atas pemilikan sendiri dan tambahan sebanyak 135 *rai* di atas sawah milik orang lain yang disewakan. Bagi mereka yang boleh dikelaskan sebagai 'penyewa' pula membentuk kumpulan yang paling kecil iaitu seramai 10 orang ketua rumah atau 13.0% sahaja. Mereka ini menjalankan penanaman padi hanya dengan menyewa tanah milik orang lain kerana tidak mempunyai tanah milik sendiri untuk dikerjakan. Jumlah keluasan tanah sawah yang mereka kerjakan adalah 85 *rai*. (Lihat Jadual 3.9)

JADUAL 3.9:

STATUS PENGERJAAN TANAH SAWAH OLEH 77 KETUA RUMAH DI MUBAAN THI SAAM DALAM MUSIM PENANAMAN PADI TAHUN 1995/96.

Status pengeraian tanah sawah (Jumlah keluaga) (Peratus)	Keluasan tanah sawah yang dikerjakan		
	Milik Sendiri (<i>rai</i> ²)	Sewa (<i>rai</i> ²)	Jumlah (<i>rai</i> ²)
P-P (33) (42.9)	180	-	180
P-P-S-P (34) (44.1)	91	135	226
P (10) (13.0)	-	85	85
JUMLAH (77) (100.0)	271	242	491

SUMBER: Borang soal selidik

Secara keseluruhannya anggota-anggota masyarakat ini juga mempunyai pelbagai pekerjaan lain sebagai sumber pendapatan. Seperti yang dinyatakan dalam struktur pekerjaan, dapat dilihat seramai 33 orang dalam kategori 'pemilik-pengerja' yang terdiri daripada 24 orang menoreh getah, tiga orang peruncit, seorang menjalankan perniagaan sebagai orang tengah, seorang pekerja kilang kayu getah dan seorang pekerja bebas. Terdapat juga tiga orang pekerja kerajaan iaitu seorang *sarawat kamnan*, seorang *Po.Ro.So* dan seorang *phuchuai*.

Anggota masyarakat yang dikategorikan sebagai 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' pula seramai 34 orang atau 44.1% yang terdiri daripada 25 orang menoreh getah, seorang pekedai runcit, seorang pekerja kerajaan, dua orang pekerja kilang kayu getah, seorang pekerja kilang padi dan empat orang pekerja bebas.

Penduduk yang menanam padi dalam kategori 'penyewa' pula seramai 10 orang atau 13.0% sahaja. Mereka ini terdiri daripada sembilan orang menoreh getah dan seorang pekerja bebas. Pekerja bebas ini seperti mengambil upah yang pelbagai, bermigrasi ke bandar-bandar untuk menjual tenaga dalam sektor pembinaan dan sebagainya dilakukan sebagai tambahan pendapatan dari aktiviti pendapatan yang sedia ada. Apabila tiba musim menanam padi mereka akan balik untuk mengerjakan tanaman tersebut. (Lihat Jadual 3.10)

JADUAL 3.10:

PEKERJAAN DAN STATUS PENGERJAAN TANAH SAWAH OLEH 77 ORANG KETUA RUMAH DI MUBAAN THI SAAM PADA MUSIM PENANAMAN PADI TAHUN 1995/96

Pekerjaan (Bil ketua rumah)	Status pengerajan tanah sawah		
	P-P Bil (%)	P-P-S-P Bil (%)	P Bil (%)
Tanam padi dengan pekerjaan yang lain:	33 (42.9)	34 (44.1)	10 (13.0)
Pertanian: Menoreh getah (58)	24	25	9
Perniagaan: Kedai runcit (4) Orang tengah (1)	3 1	1	
Makan gaji: Pekerja kerajaan (4) Kilang kayu (3) Kilang Padi (1)	3 1 1	1 2 1	
Pekerja bebas: Ambil upah yang tidak menentu (6)	1	4	1
JUMLAH (77)	33	34	10

P-P = Pemilik-pengerja

P-P-S-P = Pemilik-pengerja-serta-penyewa

P = Penyewa

SUMBER: Borang soal selidik

3.9.2 Kegiatan menoreh getah

Aktiviti menoreh getah merupakan aktiviti sebahagian besar penduduk mubaan ini sebagai sumber kewangan sejak awal tahun-tahun 1900 lagi. Penanaman getah di Selatan

Thailand ini telah diperkenalkan dalam tahun 1901 oleh gabenor Wilayah Trang dengan benih yang dibawa dari Tanah Melayu dan berkembang di kalangan orang Cina dan Thai secara pekebun kecil. Kemudian dari itu, perusahaan ini juga mulai berkembang ke kawasan orang-orang Melayu di Selatan Thailand.¹⁶ Oleh yang demikian, menoreh getah secara pekebun kecil merupakan pekerjaan sumber pendapatan yang paling utama bagi penduduk di Selatan Thailand.¹⁷ Bagi penduduk *Mubaan thi saam* sejumlah 90 ketua keluarga atau 75.0% dari penduduk di sini menoreh getah. Penorehan getah adalah kegiatan keluarga yang melibatkan setiap anggotanya. Wanita dan anak-anak akan turut membantu, khususnya dalam mengumpul susu getah.

Keadaan pengerajan ke atas kebun getah oleh penduduk di sini juga sama dengan penanaman padi; ada yang menoreh kebun sendiri, menoreh kebun orang lain dan keadaan bercampur iaitu menoreh di kebun sendiri dan sebagai tambahan juga mengerjakan kebun orang lain atas dasar hasilnya akan dibahagi dua. Dari segi status pengerajan kebun getah ini didapati kebun getah milik sendiri yang paling banyak ditoreh oleh penduduk *Mubaan thi saam*. Penorehan ke atas kebun getah milik sendiri ini menjadikan status mereka sebagai 'Pemilik-pengerja'. Anggota masyarakat dalam status ini membentuk kumpulan penoreh yang paling ramai iaitu sejumlah 48 buah keluarga atau 53.4%. Mereka ini hanya menoreh getah yang dimiliki sendiri dan jumlah keseluruhan yang ditoreh adalah

157 rai.

Menoreh getah milik orang lain sebagai tambahan juga banyak dilakukan oleh penduduk di sini iaitu sejumlah 17 buah keluarga. Kegiatan ini biasanya dilakukan oleh orang yang mempunyai kebun getah sendiri tetapi masih tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga seperti tanggungan anak yang bersekolah agak ramai. 'Pemilik-pengerja-serta-penyewa' pula mencakupi sejumlah 17 buah keluarga iaitu 18.9% yang mana keluasan kebun yang ditoreh semuanya berjumlah 115 rai. Jumlah keluasan ini adalah tambahan kebun orang lain yang mereka kerjakan sebagai tambahan pendapatan iaitu 58 rai milik sendiri dan 57 rai yang disewa dari pemilikan orang lain dalam pembayaran sewa melalui hasil getah dibahagi dua.

Ini diikuti oleh penduduk dalam kategori 'penyewa' yang melakukan kegiatan menoreh getah milik orang lain yang biasanya hasil jualan getah akan dibahagi dua dengan pemilik, yang melibatkan sejumlah 25 ketua rumah. Jumlah keluasan semasa kajian dibuat adalah 111 rai yang mana pembahagian hasil iaitu getah keping yang diperolehi akan dibahagi dua. Keluasan dan status pengerajan tanah yang diusahakan oleh penduduk *Mubaan thi saam* dapat dilihat dalam Jadual 3.11.

JADUAL 3.11:

STATUS PENGERJAAN TANAH DALAM PENOREHAN GETAH YANG DILAKUKAN OLEH PENDUDUK MUBAAN THI SAAM PADA TAHUN 1996

Status pengeraian tanah (Jumlah keluarga) (Peratus)	Keluasan kebun yang ditoreh		
	Milik sendiri (rai ²)	Sewa (rai ²)	Jumlah (rai ²)
P-P (48) (53.4%)	157	-	157
P-P-S-P (17) (18.9%)	58	57	115
P (25) (27.8%)	-	111	111
JUMLAH (90) (100%)	245	138	383

P-P = Pemilik-pengerja

P-P-S-P = Pemilik-pengerja-serta-penyewa

P = Penyewa

SUMBER: Soal selidik

Hasil secara bulanan para penoreh getah ini tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana ia mengikut keadaan cuaca. Jika hari hujan, getah tidak dapat ditoreh. Kebun getah yang terdapat di *mubaan* ini ada dua jenis, iaitu jenis getah masam¹⁸ dan getah kahwin¹⁹. Getah masam hasilnya adalah satu keping getah bagi setiap *rai* berbanding dengan getah kahwin dua keping bagi setiap *rai*. Penjualan getah yang boleh dilakukan ada dua kaedah, sama ada menjual susu cair atau dalam bentuk proses menjadi getah keping berbunga. Dari apa yang dilihat semua penduduk *Baan Kok Sumut* menjual getah dalam bentuk getah keping berbunga.²⁰ Walaupun dilihat untuk

membuat getah keping ini memakan masa dan tenaga yang lebih berbanding dengan penjualan susu getah dan hanya sedikit perbezaan harganya, tetapi getah keping ini boleh dilihat sebagai tabungan kerana ia boleh disimpan. Apabila cuaca dan kesihatan tidak membolehkan penorehan getah dilakukan, getah tersebut boleh dijual. Secara purata jumlah getah yang diperolehi oleh penduduk dalam sebulan adalah 15 keping.
(Lihat lampiran; Gambar 3.1)

3.9.3 Makan gaji

Di *Mubaan thi saam* terdapat beberapa ketua keluarga yang mendapat sumber pendapatan secara makan gaji dengan kerajaan. Sebanyak 12 ketua keluarga yang bekerja dengan kerajaan iaitu seorang *kru*, seorang *kamnan* yang juga bertindak sebagai *phuyaibaan* bagi *Mubaan thi saam*, seorang *sarawat kamnan*, empat orang *phuchuai*, dua orang *Po.Ro.So.*, dua orang *O.Bo.To.* dan seorang *O.So.Mo.* yang termasuk di dalam kategori ini. Jumlah gaji yang diterima bergantung kepada kedudukan seseorang dalam jawatannya. *Kru Drome*, menerima gaji sebanyak 6,000 *Baht* sebulan, *kamnan* 3,500 *Baht*, *phu chuai* 1,500 *Baht*, *Po.Ro.So.* 1,400 *Baht* dan *O.Bo.To* 500 *Baht* sebulan. *O.So.Mo.* pula tidak menerima gaji tetap tetapi dalam bentuk elauan jika ada sesuatu tugas yang dijalankan seperti benci kesihatan penduduk dan perkhidmatan membuat bat sukhapap untuk penduduk.

Walaupun kedudukan mereka sebagai kaki tangan kerajaan tetapi sama ada pekerjaan tersebut sebagai pekerjaan utama atau subsidari sukar untuk ditentukan. Sebagai contoh, *kamnan* Mat Nuh, merupakan seorang yang sentiasa sibuk kerana pada masa yang sama beliau juga merupakan seorang peniaga harta tanah dan seorang kontraktor yang mana pendapatan yang diterima lebih besar dari gaji sebagai pekerja kerajaan. Begitu juga dengan jawatan yang lain, ada yang menoreh getah, bermiaga dan melakukan pekerjaan sambilan yang lain dalam corak mengambil upah.

Terdapat beberapa buah kilang di kawasan sekitar *Tambon* Bangpho yang menyediaan pekerjaan kepada beberapa keluarga di *Mubaan thi saam*. Antaranya adalah *Rongsi Dinkau* atau kilang memproses tanah putih untuk dijadikan seramik. Kilang ini terletak di dalam kawasan Banggol Dudung, *Amphoe* Rangae. Satu lagi kilang memproses kayu getah yang terletak di *Baan Kembe*, *Tambon* Maknangtayo, yang memproses kayu getah untuk dijadikan kayu saiz dan diekport ke Jepun untuk dijadikan perabot. Kedua-dua kilang ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada lina ketua rumah di *Mubaan thi saam*. Gaji yang diterima adalah dalam lingkungan 3,000-5,000 *Baht* setiap orang bergantung kepada bekalan kayu yang ada.²¹

Satu-satunya kilang padi yang ada dalam *mubaan* ini diwujudkan pada tahun 1994 dengan cara empat rakan kongsi. Kilang ini dikendalikan oleh seorang ketua rumah dengan

bantuan dari isterinya. Kadar pendapatan yang diterima adalah satu per empat dari keuntungan serta 30% dari upah pengendalian kilang tersebut. Secara purata pendapatan sebulan dua orang pekerja ini adalah 12,000 Baht. Kilang ini menyediakan mesin padi serta mesin pengirik yang dibeli di Wilayah Patthalung dan perkhidmatannya dibuka dari jam lapan pagi hingga pada kebiasannya enam petang.

Dalam bulan oktober biasanya jumlah padi yang diproses adalah paling banyak di mana waktu kerja terpaksa dipanjangkan sehingga ke jam 12 tengah malam. Ini secara tidak langsung menambah sumber kewangan bagi pemilik kilang tersebut. Kadar upah yang diambil adalah 3 Baht bagi padi yang telah diirik dan 5 Baht jika padi yang dihantar ke kilang dalam bentuk gemal. Jumlah ini adalah dikira dengan menggunakan sukatan beras bagi satu tin minyak tanah. Kilang ini beroperasi tanpa lesen.²² (Lihat lampiran; Gambar 3.2)

3.9.4 Kegiatan perniagaan

Sejumlah 10 orang atau 6.7% dari penduduk di mubaan ini mendapat sumber pendapatan utama dari perniagaan. Sektor perniagaan ini dapat dilihat dalam pelbagai mode perniagaan seperti perniagaan runcit, peraih dan sebagai orang tengah. Perniagaan runcit kecil-kecilan di Mubaan thi saam dapat dilihat dalam tiga bentuk iaitu perniagaan runcit, kedai kopi dan campuran runcit dan kedai kopi. Bagi perniagaan runcit,

keutamaan penjualan mereka adalah seperti keperluan dapur, ubat-ubatan, rokok dan beberapa keperluan harian. Begitu juga dengan kedai kopi yang menyediakan minuman kopi, teh, nescafe, roti, kuih muih dan sebagainya. Kegiatan perniagaan seperti ini telah menampung kehidupan bagi enam buah keluarga. Bentuk perniagaan yang dijalankan adalah satu kedai runcit dan lima buah dalam bentuk campuran runcit dan kedai kopi. Perniagaan seperti ini dijalankan dari jam enam pagi sehingga jam 11 malam. Pendapatan harian mereka adalah dalam lingkungan 100-150 Baht sehari atau 3,000 Baht sebulan.²³

Selain dari perniagaan runcit ada juga di antara penduduk yang menjalankan perniagaan sebagai peraih buah-buahan. Perniagaan ini dijalankan oleh tiga ketua keluarga di *Mubaan thi saam*. Seorang daripadanya menjual buah-buahan secara sendirian dan dua orang lagi melakukan secara perkongsian. Mereka menjalankan perniagaan dengan membuka kedai menjual buah-buahan seperti mangga, tembikai, langsat, rambutan dan durian mengikut musim. Seorang yang menjalankan perniagaan sendirian ini membuka kedainya di Pekan Takbai yang bersempadan dengan Kelantan. Mengikut beliau hasil yang diperolehi adalah lebih lumayan dari menoreh getah dan dianggarkan keuntungan yang diperolehi dalam lingkungan 15,000 Baht sebulan. Beliau tidak menetap di Takbai, sebaliknya berulang-alik dan kadang-kadang sahaja bermalam di

kedainya di Takbai.²⁴ Perniagaan yang sama juga dilakukan oleh dua orang rakan kongsi, cuma kedainya yang terletak di Tanyong Mat. Ketiga-tiga peniaga ini telah memulakan perniagaan selama 14 tahun sejak dari berumur 25 tahun lagi dengan modal masing-masing 10,000 dan 18,000 Baht.

Salah satu bentuk pekerjaan yang paling lumayan adalah bertindak sebagai orang tengah. Kegiatan seperti ini adalah juga dalam bentuk perniagaan yang dilakukan oleh enam ketua keluarga secara tetap. Untuk bertindak sebagai orang tengah ini seseorang itu perlukan modal dan secara amnya mereka ini adalah golongan yang agak berada dalam *Mubaan thi saam*. Seorang bertindak dalam urusan pembelian dan penjualan tanah, tiga orang sebagai pembeli getah dan sekerap, dua sebagai pembeli buah-buahan, dan seorang yang merangkumi semua urusan ini.

3.10 Sumber pendapatan sampingan

Seperti yang telah dijelaskan, kebanyakkan dari ketua keluarga di sini mempunyai pekerjaan sampingan selain dari pekerjaan utama mereka. Pekerjaan sampingan ini bermakna selain dari melakukan pekerjaan tetap, mereka juga, jika mempunyai masa akan mengambil peluang melakukan pekerjaan lain secara sambilan. Antara kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan termasuklah kegiatan mengambil upah yang pelbagai, serta lain-lain kegiatan seperti menjadi bomoh,

dikir barat, masuk pertandingan *tomoi*²⁵ dan migrasi ke tempat untuk mencari sumber pendapatan sampingan.

Antara contoh kegiatan mengambil upah di *mubaan* ini adalah mengambil upah membuat rumah. Secara umumnya, kebanyakan orang lelaki di *mubaan* ini mempunyai pengetahuan asas dalam pembinaan rumah. Kerja-kerja membuat rumah ini biasanya dilakukan dalam kumpulan sekurang-kurangnya dua orang. Seorang tukang rumah biasanya terlebih dahulu akan membuat persetujuan dengan tuan rumah dan kemudian memanggil dua atau tiga orang untuk membantunya. Jumlah wang yang akan diterima bergantung kepada perjanjian yang telah dibuat dan pembahagiannya hasil pendapatan tadi akan dibuat mengikut tugas seseorang. (Lihat lampiran; Gambar 3.3)

Seorang penduduk juga mengambil upah membuat dinding buluh apabila mendapat tempahan. Upah membuat dinding ini adalah 300 Baht setiap satu yang telah siap. (Lihat lampiran; Gambar 3.4). Penduduk *mubaan* ini juga selalu mengambil upah memanjat dan memetik buah-buahan seperti dokong yang diupah oleh pembeli. Walaupun kegiatan ini hanya semusim dalam setahun tetapi ia juga menjadi kegiatan sumber pendapatan secara sampingan. (Lihat lampiran; Gambar 3.5)

Selain itu, kerja-kerja mengambil upah menjahit bunga pada pakaian juga dilakukan oleh penduduk di *Mubaan thi saam* tetapi ia dilakukan oleh ahli rumah yang lain, biasanya

isteri atau anak perempuan sesebuah keluarga. Bagi jahitan bunga pada kain tudung kadar upah yang diterima adalah 13 Baht sehelai, memasukkan manik pada birai kain tudung pula 6 Baht sehelai. (Lihat lampiran; Gambar 3.6)

Kegiatan mengambil upah ini juga terlibat dalam kegiatan buruh pertanian. Ini termasuklah mengambil upah mencedong dan menuai padi pada musim menanam. Walau bagaimanapun di *Mubaan thi saam*, hanya beberapa buah keluarga sahaja yang menggunakan tenaga buruh upahan. Kebanyakan dari penduduk yang menjual tenaga mereka ini adalah yang mempunyai pemilikan tanah sawah yang kecil atau langsung tidak memiliki.

Aktiviti mengambil upah membajak sawah juga dilakukan dalam masa penanaman padi bagi mereka yang tidak memiliki jentera membajak sendiri. Dalam kampung Baan Kok Sumut, dua ketua keluarga yang menyediakan perkhidmatan mengambil upah membajak sawah. Kedua-dua mereka ini memiliki jentera membajak sendiri dari jenis Yanmar dengan 6-7 Kuasa Kuda. Setelah selesai membajak sawah untuk penanaman sendiri, mereka memulakan pembajakan untuk mengambil upah. Kadar upah yang diambil adalah sebanyak 400 Baht bagi setiap rai.

Terdapat juga ketua rumah mengambil kesempatan mencari pekerjaan sampingan dengan bermigrasi ke Malaysia dan Singapura. Seramai lima ketua rumah selalu berulang alik ke

Malaysia kerana bermiaga batu permata dan pakaian. Tempat tujuan mereka adalah Kota Bharu, Kelantan. Walau bagaimanapun jumlah pendapatan yang diperolehi tidak dinyatakan dengan tepat. Pekerjaan ini dilakukan apabila ada permintaan sahaja yang biasanya sebulan sekali. Dua ketua rumah pula sering ke Singapura kerana mengambil upah dalam kerja-kerja pembinaan di sana. Hasil pendapatan yang dibawa pulang dalam lingkungan 30,000 Baht. Selama mereka berada di sana, isteri akan menoreh getah untuk kehidupan sehari-hari.

Lain-lain kegiatan sampingan penduduk adalah empat orang ketua rumah yang menjalankan aktiviti sambilan sebagai bomoh. Seramai enam buah keluarga menanam sayur-sayuran seperti keledek, keladi, pisang dan ubi kayu dan hasilnya akan dijual di kedai *Nat* pada setiap hari Isnin. Tanaman sumber pendapatan sampingan ini membolehkan mereka gunakan untuk membeli ikan, daging dan sebagainya. Di samping itu, binatang-binatang ternakan seperti lembu, kerbau, ayam itik dan kambing merupakan binatang ternakan yang dipelihara oleh kebanyakan keluarga di *Mubaan thi saam*.

3.11 Pendapatan dan perbelanjaan keluarga

Setelah melihat berbagai kegiatan ekonomi penduduk, dapat dijelaskan kadar pendapatan yang diterima oleh setiap keluarga di *Mubaan thi saam*. Penjelasan mengenai pendapatan yang diterima ini adalah secara anggaran sahaja kerana

responden tidak dapat menjelaskan jumlah pendapatan yang mereka diperolehi secara secara tepat. Ini berlaku kerana pendapatan mereka tidak tetap bagi tiap-tiap bulan, tidak seperti mana pendapatan orang yang makan gaji.

Secara kasarnya penduduk yang memperolehi pendapatan kurang dari 4000 Baht sebulan dan ke bawah adalah seramai 76 orang ketua keluarga atau kira-kira 71.7%. Penduduk yang memperolehi pedapanan lebih dari 4,100 Baht adalah seramai 44 orang atau 28.3%. Kebanyakan dari mereka adalah makan gaji dan mereka yang menjalankan perniagaan sebagai orang tengah.

Selain dari kerja-kerja harian, sumber kewangan penduduk juga didapati dari penjualan hasil buah-buahan tetapi pendapatan ini hanya sekali sahaja dalam setahun. Kebanyakan dari penduduk ini menanam pokok buah-buahan saka seperti dokong, rambutan, durian yang akan dijual apabila tiba musimnya iaitu dalam bulan September-Okttober setiap tahun. Buah dokong merupakan hasil penjualan yang paling mahal di mana boleh mencapai 65 Baht bagi sekilogram. Pembeli utama bagi penduduk dalam *mubaan* ini adalah Poksu Ing yang bertindak sebagai peraih, kemudian beliau menjual buah-buahan ini kepada seorang tokeh Siam di Tanyong Mat. Musim dokong dianggap sebagai satu perayaan bagi penduduk Changwat Narathiwat kerana mereka mendapat wang yang banyak berbanding dengan musim-musim biasa.

Oleh kerana masyarakat tani di sini masih lagi mengamalkan sistem ekonomi secukup hidup, sebahagian dari mereka tidak berupaya untuk menyimpan wang kerana kegiatan mereka adalah boleh diumpamakan sebagai "kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang". Dari kajian yang dibuat hanya 31 orang sahaja yang membuat simpanan tunai di bank yang terdiri dari golongan peniaga dan pekerja kerajaan dalam kadar 25% ke bawah hasil pendapatan mereka. Manakala anggota masyarakat selebihnya simpanan hanya dilakukan dalam bentuk getah keping yang mana akan dijual apabila wang diperlukan. Jadual 3.12 menunjukkan jumlah pendapatan dalam kadar sebulan bagi setiap buah rumah di Mubaan thi saam.

JADUAL 3.12:

PENDAPATAN SEBULAN BAGI SETIAP KELUARGA DI MUBAAN THI SAAM DALAM TAHUN 1996

Pendapatan Sebulan (Baht)	Jumlah Keluarga	Belanja	Simpan	Peratus
Kurang dari 1,000	9	semua	-	7.5
1,000 - 2,000	20	semua	-	16.7
2,100 - 3,000	32	semua	-	26.7
3,100 - 4,000	25	semua	-	20.8
4,100 - 5,000	13	90%	10%	10.8
5,100 dan ke atas	31	70%	25%	25.8
JUMLAH	120	-	-	100

SUMBER: Borang Soal Selidik

3.12 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu di *Mubaan thi saam* memiliki ciri-ciri masyarakat luar bandar. Ciri-ciri ini dapat dikesan dari sikap serta nilai masyarakat tersebut. Penanaman padi menjadi agenda penting dalam ekonomi mereka dengan tujuan untuk saradiri walaupun aktiviti secara langsung tidak mendatangkan sumber pendapatan. Sumber pendapatan mereka dapat diatasi dengan pekerjaan lain yang mereka lakukan.

Struktur ekonomi lebih dari satu pekerjaan dalam satu masa dapat menampung dua keperluan asas mereka, iaitu sumber makanan dan sumber pendapatan. Keperluan pendapatan dapat diatasi dengan kegiatan ekonomi wang penduduk *Mubaan thi saam* seperti aktiviti menoreh getah, menjalankan perniagaan dan sebagainya. Tidak dinafikan sedikit sumber pendapatan tambahan juga diperolehi dari kegiatan sampingan. Sumber pendapatan yang mereka perolehi adalah untuk menampung keperluan rumah, pakaian dan sedikit keperluan dapur, sedangkan bahan makanan utama iaitu padi (beras) diperolehi dengan cara menanam sendiri. Dengan ini pergantungan hidup kepada sektor penanaman padi, walaupun bukan untuk dijual, penduduk *Mubaan thi saam* boleh menyara hidup dalam keadaan sumber pendapatan yang terhad.

NOTA HUJUNG:

¹ Frank and Ann Darling; **Op.Cit.**, hal. 42

² **Ibid.**, hal. 43

³ Maklumat daripada No.So.Sutima Raksawong, 38, salah seorang pembantu *anamai* di Tambon Bangpho. Maklumat ini diperolehi semasa kunjungan pengkaji ke *anamai* tersebut pada bulan Februari 1996.

⁴ Irwin T.Sanders; **Rural Society**, Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, New Jersey, USA, 1977, hal. 59

⁵ **Ibid.**, hal.59

⁶ Maklumat daripada Nai Daud baka Bukok, 58, merupakan *sarawat kamnan* bagi Tambon Bangpho. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual pengkaji di rumahnya pada bulan Februari 1996.

⁷ W.Vella; **The Impact of The West on Government in Thailand**, University of California Publication, Berkeley, USA, 1955, hal. 331

⁸ Maklumat daripada Nai Dome baka Saleh, 38, anak saudara kepada Nai Sapeing baka Saleh. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual dengan beliau di kedai kopi miliknya pada bulan Februari 1996.

⁹ Maklumat diperolehi daripada beliau sendiri semasa sesi temubual dengan beliau di rumahnya pada bulan Februari 1996.

¹⁰ Maklumat ini diperolehi melalui sesi temubual dengan beliau sendiri di rumahnya pada bulan Februari 1996.

¹¹ Abha Sirivongs Na Ayuthaya; **Op.Cit.**, hal. 34

¹² Abdullah Taib; **Asas-asas Antropologi**, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1985, hal. 71

¹³ Untuk keterangan lebih lanjut tentang sistem ini sila lihat Hj. Said Hj. Ibrahim; "**Sistem Pembahagian Pusaka Dalam Islam**", Bahagian Hal-ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Percetakan Nasional (M) Bhd., Kuala Lumpur, 1995, hal. 1-13

¹⁴ Perlaksaan sistem ini dalam pembahagian tanah pusaka oleh kaum tani di negeri Perak misalnya, sila lihat Mohammed Halib; "**The Organization of Smallholder Cocoa-Coconut Agricultural in Peninsular Malaysia**", Tesis M.Sc., Cornell University, 1979, hal. 55-58. Perlaksanaan sistem ini di negeri Kedah boleh dilihat dalam Affifudin Hj. Omar; "**Some Aspects of The Socioeconomic Value of The Muda Rice Farmer in Developmental Perspectives**", MADA Publication No.24, Alor Setar, Kedah, Ogos, 1973

¹⁵ S.Husin Ali, Abha Sirivongs Na Ayuthaya dan ramai lagi bersetuju dengan pembahagian kategori ini. Bagi S. Tanabe, pembahagian ini masih tidak mencukupi. Beliau membuat pembahagian kepada lima kategori dengan tambahan kategori 'pemilik' dan 'pengerja'. 'Pemilik' adalah tuan tanah yang tidak mengerjakan tanaman padi sementara 'pengerja' adalah buruh yang bekerja untuk tuan tanah.

¹⁶ Harald Uhlig; **Op.Cit.**, hal. 233

¹⁷ Prachaya Chumpasut; **The National Rubber Economy of Thailand**, University Microfilms International, Michigan, USA, 1981, hal. 40

¹⁸ Getah masam adalah panggilan bagi getah yang ditanam dari biji benih, bukan anak benih yang dicantumkan dengan mata tunas baka baik. Walau bagaimanapun, kebanyakan getah masam ini telah tua dan dalam proses untuk penanaman semula.

¹⁹ Getah kahwin adalah panggilan bagi getah dari anak benih yang dicantum dengan baka baik. Kebanyakan penduduk Tambon Bangpho telah menyambut seruan kerajaan untuk menanam semula getah menggunakan dari jenis baka baik. Subsidi dan modal diberikan melalui agensi Kraksuang Kankaset Lek Sahakom (Kementerian Pertanian dan Koperasi) yang dikendalikan oleh Samnakngan Konthung Sungkrop Kanthan Suanyang (Pejabat Penanaman Semula getah dan Bantuan Kewangan). Antara anak benih yang disyorkan adalah Luk 600, bagi kawasan berbukit, PR 255 untuk kawasan lembah dan BPM 24 yang fleksibel bagi kedua-dua keadaan tanah. Menurut Hj Yalee baka Koseng (pegawai di jabatan tersebut) sehingga tahun 1996, lebih daripada 200 orang penduduk di Tambon Bangpho telah menanam getah kahwin. Subsidi dan bantuan kewangan diberikan kepada pemilikan 2 hingga 20 rai². Bantuan diberi sehingga tujuh tahun, dengan jumlah 6,800 Baht bagi setiap rai².

²⁰ Semasa kajian dibuat, harga sekeping getah adalah 22 Baht sekilogram manakala harga susu getah 20 Baht sekilogram. Susu getah hanya dibeli oleh seorang pembeli berbangsa Siam yang tinggal di Baan Kok Titir.

²¹ Maklumat ini diperolehi daripada Mat Li baka Jusoh, 30, salah seorang penduduk *Mubaan thi saam* yang bekerja di kilang Kembe. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual di rumahnya pada bulan Mac 1996

²² Maklumat daripada Nai Husin baka Burahim, 37, merupakan pengendali kilang tersebut. Maklumat ini diperolehi semasa temubual dengan beliau di kilang tersebut pada bulan Mac 1996

²³ Maklumat daripada Dome baka Saleh, 38, salah seorang pekedai kopi di mubaan ini. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual dengan beliau di kedainya pada bulan Februari 1996

²⁴ Maklumat daripada Mat Ding baka Mat Kid, 35, salah seorang penduduk *mubaan* ini yang menjalankan perniagaan buah-buahan. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual dengan beliau di rumahnya pada bulan Mac 1996

²⁵ Terdapat tiga orang dari *mubaan* ini yang sering memasuki pertandingan *tomoi* di mubaan ini. Namun begitu, pada hari ini hanya seorang sahaja yang masih aktif iaitu Nai Doloh baka Bukok yang juga seorang *O.Bo.To* bagi *Tambon* Bangpho. Gelaran beliau semasa pertandingan ialah Bidi ()